

22 OCT 2001

MUHYIDDIN-HARGA

KENAIKAN HARGA MINYAK BUKAN ALASAN NAIKKAN HARGA BARANG RUNCIT, MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Kerajaan memberi jaminan kenaikan harga minyak sebanyak 10 sen tidak akan menyebabkan kenaikan harga barang runcit di negara ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kenaikan harga minyak itu sepatutnya tidak dijadikan sebagai alasan oleh peruncit-peruncit untuk menaikkan harga barangan.

"Orang ramai yang mendapat maklumat mengenai kenaikan harga runcit di kedai-kedai diharap dapat melaporkan perkara ini di kementerian untuk diambil tindakan," kata beliau semasa majlis perasmian pusat khidmat pelanggan setempat Petronas MESRA LINK, di sini, hari ini.

Dalam Belanjawan 2002 baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kenaikan harga runcit petrol dan diesel sebanyak 10 sen berkuatkuasa pada 20 Okt.

Menurut Muhyiddin, kementeriannya telah mengarahkan pegawai-pegawainya untuk menyelidik harga barang di negara ini.

"Setakat ini kami tidak mendapat laporan mengenai harga kenaikan barangan yang luar biasa dan menganggap langkah itu berkesan untuk membantu kestabilan harga," katanya.

Pihak kerajaan juga memerlukan maklumat yang terperinci dan tepat bagi mengelakkan daripada membuat tindakan yang terburu-buru tanpa bukti yang kukuh, tambahnya.

Mengenai isu pemantauan Jarimas baru-baru ini pula, Muhyiddin menegaskan bahawa pihak kerajaan tidak terlibat langsung tetapi beliau menyokong tindakan ini.

Jarimas yang dianggotai oleh FOMCA (Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia), MTUC (Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia), CUEPACS (Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam), MBM (Majlis Belia Malaysia), NCWO (Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia) dan Gapena (Gabungan Penulis Nasional) adalah enam pertubuhan berpengaruh yang digerakkan ke seluruh negara bagi memantau harga barang-barang runcit.

"Kami menyokong tindakan Jarimas untuk memantau kedai-kedai yang menaikkan harga barangan ini tetapi diharap tidak ada tindakan diluar batasan",katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Dagangan Berhad (PDB) Encik Anuar Ahmad berkata, MESRA LINK, pusat perkhidmatan setempat bagi pelanggan, rakan kongsi perniagaan dan orang awam telah mula diperkenalkan secara berperingkat ke seluruh negara mulai 2 Februari lalu.

Rangkaian sistem bersepadu ini menyediakan perhubungan pantas tanpa halangan diantara sistem telefon dengan pangkalan data dalaman bagi membolehkan kakitangan MESRA LINK menjawab pertanyaan dan permintaan dengan efisien.

Melalui pusat khidmat ini para pelanggan, pembekal, wakil penjual dan masyarakat umum boleh menghubungi Petronas Dagangan bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada.

"Mereka (pelanggan, pembekal, wakil penjual dan orang ramai) boleh membuat aduan, memberi pandangan dan maklum balas atau mendapatkan penjelasan daripada kami melalui telefon,faks dan email," katanya,

Menerusi Mesra Link, Petronas Dagangan juga boleh mengendalikan urusan perniagaan seperti membuat pesanan, mengatur jadual penghantaran dan

menyemak maklumat akaun.

Para pelanggan boleh menghubungi Mesra Link menerusi talian telefon 1-300-88-8181 dan 1-300-88-8282, talian faks 1-300-88-8383 atau e-mail mesralink@petronas.com.my. --BERNAMA

RBS ZK